

Dari kiri: Athirah, Muhd Mursyidi dan Arif mengendalikan segmen Trio pagi pada setiap Jumaat.

radio **USIM**
Eksprei Informasi Terkini

Saluran informasi warga kampus

Radio Usim platform penuntut tunjuk bakat



Lawatan Duli Yang Maha Mulia, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud (tengah) sempena pemasyhuran sebagai Canselor.

menyampaikan informasi dan dakwah kepada warga universiti, di samping platform melahirkan penyampai-penyampai profesional yang sedia bersaing dengan penyampai lain.

"Kami baru sahaja selesai menemuduga calon-calon baru sebagai juruhebah, sambutan begitu baik dan di luar jangkaan, berterima kasih

kami kepada siswa dan siswi yang berminat dan berharap dengan adanya pelapis baru, radio ini sentiasa ceria dan menjadi pilihan sepanjang masa," katanya.

Tambahnya, giliran bertugas adalah mengikut shif dan kini radio Usim dikendalikan lebih 13 penyampai mengikut kelapangan masing-masing.

Seorang lagi penyampai, Muhammad Arif Che Soh, pula berpendapat, radio Usim sudah punya peminat tersendiri. Rakan-rakan siswa dan siswi menggunakan radio ini untuk lebih peka dengan hal ehwal yang berlaku sekitar kampus dan pengumuman penting daripada pentadbir.

"Kebijaksanaan mengurus masa amat penting dalam pembahagian antara tanggungjawab sebagai pelajar dan penyampai, saya antara yang terawal sebagai juruhebah, dan masih boleh menumpukan perhatian antara pelajaran dan tugas radio," katanya.

NAIK TARAF KE FREKUENSI

Memandangkan semakin diterima baik, radio Usim bercita-cita untuk mempunyai frekuensi dan beroperasi sebagai radio biasa.

"Perjalanan itu masih jauh, cuma keazaman itu sekurang-kurangnya menjadi pembakar semangat untuk kami terus berkarya dengan lebih baik setanding jenama radio komersil," katanya.

Jelas Atirah, segala tugas adalah melalui ketua penerbit di bawah kelolaan Shaiful Shahrizal Mohd Sadi.

"Radio USIM adalah satu-satunya stesen radio di universiti yang beroperasi dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Bernauhg di bawah (FKP). Fakulti ini ditubuhkan serentak dengan penubuhan Usim yang memulakan tahun pengajian pada sesi akademik 2000/2001. Pada awalnya, ia dikenali dengan nama Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam," katanya.

Menurutnya, memandangkan perkembangan program pengajian yang kini meliputi pelbagai bidang pengajian seperti kaunseling dan komunikasi, nama Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam ditukar kepada Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.

"Stesen radio Usim beroperasi secara percubaan pada Januari 2009. Pemilihan juruhebah pada waktu itu dibuat dan mereka yang terpilih telah mengikuti latihan mengendalikan peralatan digital studio.

"Kini, stesen radio kampus ini telah menjadi antara stesen radio digital terancang kalangan institusi pengajian tinggi awam dan swasta," katanya.



PROGRAM BERILMIAH

Menggunakan tagline *Eksprei Informasi Terkini*, radio Usim menawarkan beberapa bentuk program serta wawancara secara interaktif kepada pendengar. Ia juga menampilkan ulasan berita utama mengenai Usim khususnya serta hebah-hebahan untuk mahasiswa dan mahasiswi.

"Kami juga mengikuti dasar editorial dengan melaporkan berita dan menyampaikan maklumat secara langsung dengan benar, tepat, objektif, tanpa berat sebelah berlandaskan etika kewartawanan serta nilai-nilai murni," katanya.

Jelasnya, konti radio juga berfungsi sebagai pusat pembelajaran dan persediaan siswa Ijazah Komunikasi Usim yang secara tidak langsung bertindak sebagai makmal pengajaran serta pembelajaran.

"Kami bercita-cita menjadi sebuah stesen radio digital kampus terunggul di Malaysia dan secara tidak langsung membantu menaikkan taraf kedudukan Usim di kalangan universiti serta mempromosi nama Usim pada dunia luar," katanya.

Ujarnya, dengan ada radio kampus, ia dijadikan aplikasi serta alternatif yang cepat, efektif dalam menyalurkan maklumat serta hebahan. Ia juga medium pantas mendekati mahasiswa dengan suasana universiti.

Rakan penyampai, Muhd Mursyidi Ab Alim pula berkata, peranan radio Usim adalah ingin menjadi medium perantara yang dapat



Radio adalah medium penyiaran masa kini yang semakin senang diterima. Seperti mana orang ramai boleh menerima televisyen (TV) sebagai medium penyiaran, begitu juga radio yang hanya menggunakan suara di udara memecah kesunyian.

Tidak lari dari matlamat asal radio sebagai saluran menghebahkan informasi, radio Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) yang dikendalikan juruhebah kalangan penuntut universiti itu mempunyai agenda tersendiri untuk manfaat penuntut dan universiti amnya.

Meninjau tugas mereka di konti, tidak ada bezanya dengan rutin juruhebah di stesen radio lain, cuma capaian dan sasaran pendengarnya berbeza.

"Skop penyiaran kami hanya tertumpu di bangunan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) dan canselori Usim sahaja, namun, capaian melalui online, <http://radio.usim.edu.my> disiarkan terus menerus ke halwa telinga anda," kata juruhebah juga selaku penerbit rancangan, Athirah Zalha.



- Radio Usim dikendalikan sepenuhnya warga Usim yang bertindak sebagai penyampai, bahagian teknikal dan penerbitan
- <https://www.facebook.com/RadjoUsim>
- Warga kampus yang ingin berkongsi maklumat tentang radio anda, sila emelkan kepada salwani@sinarharian.com.my

INFO